

17 SEP 2003

Majalah-maaf

BUSINESSWEEK MOHON MAAF KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- BusinessWeek International telah memohon maaf kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menulis sepucuk surat yang "biadab dan mengancam" kepada beliau.

Permohonan maaf itu terkandung dalam sepucuk surat bertarikh 12 Sept daripada pengarah urusannya Robert Dowling kepada Dr Mahathir.

"Saya menulis surat ini bagi memohon maaf berhubung surat yang dihantar kepada tuan oleh wartawan kami minggu lepas," kata Dowling yang berpejabat di New York.

Beliau berkata surat bertarikh 8 Sept yang dihantar oleh seorang wartawan majalah itu, merupakan usaha terakhir bagi memberikan masa kepada Perdana Menteri untuk mengulas mengenai satu berita yang hendak ditulis oleh majalah itu tentang jasa peninggalan Dr Mahathir dan mengenai peralihan kuasa kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Salinan surat Dowling itu diberikan kepada Bernama oleh setiausaha akhbar Perdana Menteri, Datuk Zakaria Abdul Wahab.

Ekoran surat yang diterima dari Hong Kong itu, Dr Mahathir membidas majalah itu kerana mengancam untuk menulis tentang perkara-perkara buruk mengenai negara ini dan kepimpinan beliau.

Dalam suratnya itu, wartawan berkenaan mahu mendapatkan reaksi segera daripada Perdana Menteri berhubung dakwaan wujudnya kronisme dan rasuah di Malaysia.

BusinessWeek diterbitkan di New York oleh McGraw Hill Group of Companies. Edisi Asia BusinessWeek dilaporkan mempunyai 60,000 naskhah setiap minggu.

-- BERNAMA

AZZ AZZ MAI